

Persatuan Peguam Muslim setuju hukuman sebat di khalayak ramai

16 APR 2002

KUALA LUMPUR. Isnin - Persatuan Peguam Muslim Malaysia bersetuju cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya hukuman lebih berat, termasuk sebat di khalayak ramai dikenakan terhadap pesalah sumbang mahram.

Presidennya, Zaiton Othman berkata, hukuman seumpama itu mampu menimbulkan perasaan gerun dan kesedaran orang ramai, sekali gus mengurangkan dan menghapuskan jenayah tidak berperikemanusiaan itu.

Katanya, hukuman penjara dan sebat sedia ada kurang berkesan kerana kes sumbang mahram masih terus berlaku.

"Sudah tiba masanya kerajaan mengambil langkah lebih tegas dan hukuman sebat di khalayak ramai adalah antara hukuman yang boleh dipraktikkan.

"Kita memerlukan hukuman yang boleh menjadi teladan dan menyebabkan pesalah tidak mengulangi perbuatan keji itu.

"Kita mempunyai hukuman terhadap pesalah sumbang mahram tapi ia kurang berkesan kerana masih ramai yang tidak serik dan melakukan perbuatan itu. Pesalahnya pula

menganggap hukuman tidak cukup berat," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa pesalah sumbang mahram perlu dikenakan hukuman berat kerana jenayah itu dianggap sebagai perbuatan yang amat keji.

Dr Mahathir berkata, pesalah juga sepatutnya disebat di hadapan khalayak ramai supaya dapat menimbulkan keinsafan kepada masyarakat.

Zaiton juga berkata, kes sumbang mahram adalah jenayah yang tidak dapat dimaafkan dan memusnahkan masa depan mangsa yang mempunyai pertalian darah.

Pengarah Pertubuhan Penyelamat dan Pelindung Kanak-kanak, Madeleine Yong, berkata hukuman berat terhadap pesalah sumbang mahram tidak memadai jika pelaksanaannya tidak dilaksanakan secara sistematik.

"Mangsa biasanya tidak mendapat perlindungan sewajarnya dan mereka juga takut mendedahkan kejadian yang dianggap boleh menjejaskan keluarga mereka sehingga proses pendakwaan di mahkamah juga terganggu," katanya.